

Topik: Klasifikasi Akaun dan Persamaan Perakaunan

Objektif dan aktiviti perakaunan

OBJEKTIF PERAKAUNAN

- Perakaunan adalah satu sistem. Setiap sistem mempunyai satu set elemen-elemen bersepadu yang akan berfungsi mengikut tatacara-tatacara tertentu supaya objektifnya tercapai.
- Objektif utama perakaunan terkandung dalam definisinya, iaitu, *“perakaunan merupakan satu proses penyediaan maklumat kewangan perniagaan bagi pengguna-pengguna maklumat kewangan ini membuat keputusan yang bernas.”* Jadi, output dari proses perakaunan adalah **maklumat kewangan yang berguna** untuk membuat keputusan oleh pengguna.

AKTIVITI AWALAN PROSES PERAKAUNAN

- Aktiviti awalan dalam proses perakaunan terdiri daripada:

Mengenal pasti:

Merujuk kepada aktiviti mengenal pasti dan mengumpul semua urusan niaga perniagaan yang perlu direkodkan dalam buku perakaunan perniagaan. Secara khususnya, aktiviti ini mengumpul semua urusan niaga dan peristiwa kewangan.

Mengukur:

Menentukan nilai yang perlu direkodkan bagi setiap urusan niaga dalam buku perakaunan. Aktiviti ini berkaitan dengan pemilihan antara nilai kos sejarah, nilai pasaran atau asas penilaian yang lain.

Merekod:

Menggunakan satu sistem perekodan bagi setiap urus niaga perniagaan dalam buku perakaunan. Sistem ini dikenal sistem catatan bergu.

Meringkas:


Ini adalah satu aktiviti penyimpulan yang dibuat pada akhir sesuatu tempoh perakaunan. Aktiviti ini melibatkan tatacara pengiraan keuntungan perniagaan melalui akaun untung rugi.

Melapor:

Aktiviti ini diperlukan untuk mencapai objektif perakaunan. Ini merujuk kepada penyediaan penyata kewangan untuk tujuan pelaporan kepada pengguna. Pelaporan akan dilakukan dalam format yang dianggap paling berguna kepada pengguna-penggunanya.

KITARAN PERAKAUNAN

- Proses perekodan terdiri daripada beberapa aktiviti perekodan urus-urus niaga perniagaan secara berurutan yang dilakukan sepanjang satu tempoh perakaunan. Aktiviti perekodan berurutan ini dinamakan sebagai **Kitaran Perakaunan**. Aktiviti perekodan ini bermula apabila sesuatu urus niaga kewangan berlaku. Aktiviti perekodan dalam kitaran perakaunan:



- Perniagaan yang kecil tidak akan mengikut kitaran perakaunan ini secara lengkap. Aktiviti seperti penjurnalan (perekodan di buku catatan pertama) mungkin tidak akan diamalkan dalam perniagaan yang kecil.